

Ulat bulu laut muncul di pantai Terengganu

Bisa organisma ini menyebabkan rasa sakit, bengkak dan alahan jika tersentuh

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA NERUS

SA/12.01.24/M/S 26


Orang ramai dinasihatkan supaya berwaspada ketika beriadah di tepi pantai susulan penemuan dua ekor ulat bulu laut di pantai sekitar daerah ini.

Ketua Unit Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan, Dr Izwandy Idris berkata, ulat bulu laut dipercayai daripada spesies *Amphinome rostrata* (Pallas 1766) dijumpai seorang sukarelawan pusat berkenaan di tepi pantai berhampiran Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Menurutnya, ulat bulu laut digelar 'chaetae' atau kuku berbentuk tajam serta rapuh selain mudah melekat pada kulit apabila disentuh.

"Spesies kumpulan ulat bulu laut ini (*Famili Amphinomidae*) mempunyai kelenjar bisa (*venom gland*) yang mana ia boleh memasuki badan melalui luka tusukan chaetae yang patah.

"Gabungan luka akibat chaetae yang patah dan bisa dari kelenjarnya boleh menimbulkan rasa sakit terlampau, bengkak serta tindak balas



Ulat bulu laut berbisa dijumpai sukarelawan di tepi pantai berhampiran UMT.



alahan," katanya dalam satu kenyataan, di sini, pada Khamis.

Sehubungan itu, katanya, pengunjung pantai dinasihatkan berhati-hati sekiranya menemui sebarang organisma marin yang mempunyai rupa seakan ulat bulu.

"Ulat bulu laut adalah nama panggilan tempatan bagi kumpulan cacing laut (*Annelida, Polycheata*) yang mempunyai struktur seperti kuku (*chaetae*) di seluruh badan menyerupai ulat bulu.

"Namun, dalam bahasa Inggeris ia dipanggil *fireworm* (cacing api) kerana rasa sakit seperti terkena api apabila menyentuh atau memegang haiwan ini.

"Elakkan menyentuh haiwan ini

serta jauhan daripada dihampiri kanak-kanak," katanya.

Izwandy yang juga Pensyarah Biologi, Diversiti dan Ekologi Invertebrat Bentik UMT berkata, organisma berkenaan dipercayai dihanyutkan ombak sehingga terdampar di pantai sekitar negeri ini.

"Musim Monsun Timur Laut (MTL) melanda Laut China Selatan menyebabkan banyak organisma dan hidupan lain dihanyutkan ke pesisir pantai.

"*Amphinome rostrata* merupakan spesies yang banyak berhubungan dengan teritip angsa (*Goose Barnacle*) yang melekat pada benda hanyut seperti kayu serta sampah laut (*marine debris*) dan dijumpai di lautan seluruh dunia," katanya.